

16 DEC 1998
MUSTAPA-EKONOMI
KADAR PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DISEMAK SEMULA

KOTA KINABALU, 16 Dis (Bernama) -- Kerajaan akan menyemak semula kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KSNK) tahun ini bagi mendapatkan gambaran sebenar prestasi ekonomi negara tahun ini, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamad.

Katanya semakan itu perlu kerana KDNK negara telah menguncup pada kadar 8.6 peratus pada suku ketiga tahun ini berbanding jangkaan penguncupan sebanyak 4.8 peratus untuk sepanjang tahun ini.

"Kita belum ada angka yang tepat kerana tahun 1998 belum berakhir. Perangkaan yang ada hanya setakat September tahun ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pemimpin bersama rakyat di Bongawan, kira-kira 70km dari sini.

Menurut beliau kiraan sebenar kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka hanya dapat diperolehi hujung Februari atau awal Mac tahun depan apabila kesemua perangkaan bagi bulan Oktober, November dan Disember diperolehi.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hanoi, Vietnam, semalam yang mengatakan ekonomi negara dijangka menguncup sekitar enam peratus tahun ini.

Mustapa turut mengumumkan peruntukan tambahan sebanyak RM24 juta tahun ini untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan di Sabah tahun ini.

"Tahun ini hanya tinggal kira-kira tiga minggu lagi dan seboleh-bolehnya kita mahu membelanjakan kesemua jumlah itu tahun ini. Bagaimanapun kalau tidak dapat berbuat demikian, maka ia boleh dibuat awal tahun depan," kata beliau.

Mengikut peraturan, katanya, perbelanjaan untuk projek yang ditetapkan dalam peruntukan itu masih boleh dilakukan sehingga 15 Jan tahun depan.

Beliau turut menggesa pelbagai pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan projek pembangunan di negara ini agar segera melaksanakan projek yang telah dirancang di seluruh negara.

"Kita agak bimbang kerana didapati hanya 50 peratus daripada kira-kira RM21 bilion peruntukan untuk pembangunan seluruh negara yang dibelanjakan antara Januari hingga Oktober tahun ini," katanya.

Berdasarkan perbelanjaan yang telah dilakukan setakat ini, beliau menganggarkan sekurang-kurangnya 18 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan itu tidak dapat dibelanjakan tahun ini.

"Perbelanjaan agak lembab tahun ini kerana berlaku beberapa perubahan dasar. Pada mulanya kita potong perbelanjaan, lepas itu pada bulan Julai lepas kita tambah perbelanjaan dan ini menimbulkan sedikit kelewatan dalam pelaksanaan projek pembangunan.

"Tugas saya selaku Menteri Kewangan Kedua ialah untuk memastikan peruntukan itu dibelanjakan untuk pembangunan yang telah dirancang," tegas Mustapa.

-- BERNAMA

JS OS